

Rabu, 3 Ogos 2022 **BH**



Usaha berterusan dilakukan bagi memastikan sektor perladangan menerima pekerja. (Foto hiasan)

FWCMMS lancar kan kemasukan pekerja asing

Kuala Lumpur: Kelewatan kemasukan pekerja asing, khususnya bagi sektor perladangan adalah bagi memastikan urusan pengendalian yang menggunakan sistem baharu iaitu Sistem Pengurusan Berpusat Pekerja Asing (FWCMMS), lebih terkawal dan lancar.

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Zuraida Kamaruddin, dengan sistem baharu itu pengendalian kemasukan pekerja asing di negara ini akan lebih lancar mulai bulan ini.

"Kelewatan masuk pekerja asing ini kerana sistem yang baharu diperkenalkan iaitu FWCMMS. Dengan sistem ini, ia lebih terkawal, tersusun dan teratur.

"Kalian sistem ini dapat dilaksanakan dengan sempurna, pekerja yang sudah berada dalam sistem ini tidak boleh melompat kerja, tidak boleh bertukar kerja, sebab mereka akan ada 'tracking' (pengesanan)," katanya menjawab soalan Datuk Seri Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat, semalam.
Mohd Salim bertanyakan me-

ngeni penyelesaian jangka pendek dan panjang Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan serta keberuntungan kepada tenaga buruh asing dalam sektor perladangan, khususnya kelapa sawit.

Mengulas lanjut, Zuraida berkata, antara usaha berterusan dilaksanakan kementerian adalah memastikan sektor perladangan menerima pekerja serta dapat mengurus ladang dan menuai hasil yang lebih mampan.

"Dalam Ekspo dan Sidang Kemuncak Agrikomoditi Antara-bangsa Malaysia (MIACES) 2022, kita diperkenalkan dengan satu sistem yang boleh menuai buah sawit dan boleh potong daun yang mati. Jadi, ini boleh dilaksanakan dengan cepat.

"Kementerian akan duduk sekali lagi dengan syarikat yang mencipta sistem ini minggu depan untuk menentukan keputusan muktamad, tapi ia bukanlah sepenuhnya automasi. Tapi, dengan adanya teknologi semuma ini, sekurang-kurangnya dapat mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing," katanya.